

UMS-SPS-Upcycled Shack Terajui Ekonomi Pekeliling Demi Kelestarian Persekitaran

Terakhir dikemaskini: Rabu, 25 September 2019 10:13 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 48

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



RABU, 25 SEPT - Pusat Pengurusan EcoCampus (EcoCampus) Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengambil langkah proaktif mengatasi masalah pencemaran plastik dengan menggunakan cara Kitar Semula Tambah Nilai dalam menyahut tuntutan model Ekonomi

Pekeliling.

Ekonomi Pekeliling merupakan model ekonomi di mana nilai produk dan bahan dikekalkan dalam pasaran selama yang mungkin menerusi penambahan dan pembaharuan nilai produk dan bahan tanpa pembuangan sisa mahupun penghasilan semula bahan asas.

Langkah proaktif tersebut merupakan kerjasama diantara pihak EcoCampus UMS bersama Persatuan Farmasi Sabah (SPS) serta rakan industri, Upcycled Shack.

Menurut Timbalan Pengarah EcoCampus UMS, Kueh Boon Hee, sepasukan pelajar UMS telah berjaya menjalankan projek 'upcycling' sisa plastik sekali guna untuk dijadikan medal sebagai saguhati sempena acara *World Pharmacists Day 2019 Plog Run* yang akan diadakan pada 28 September 2019 di Taman Teluk Likas.

Tambah beliau, projek yang bermula pada bulan Jun lalu itu telah mengumpulkan lebih 350 bekas plastik sekali guna (kod 6) dan daripada jumlah tersebut mereka berjaya menghasilkan 300 keping medal melalui proses pembakaran dalam ketuhar.

"Kejayaan projek ekonomi pekeling menggunakan cara Kitar Semula Tambah Nilai yang julung kali direalisasikan oleh UMS ini amat bermakna dan penting sebagai titik tolak dalam merencanakan projek seumpama itu pada masa akan datang dengan merangkumi skop penglibatan dan impak sosial yang lebih besar,"ujarnya pada Majlis Penyerahan Bahan Kitar Semula Tambah Nilai itu, kelmarin.

Sementara itu, Timbalan Presiden SPS, Hiew Chui Li berkata, pembelian 300 keping medal daripada Kumpulan Pelajar EcoCampus UMS itu akan menjadi satu kelainan pada acara larian anjuran SPS memandangkan corak dan reka bentuk medal tersebut merupakan idea asal kumpulan pelajar berkenaan.

Turut hadir pada majlis tersebut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi UMS), Profesor Madya Ts. Dr. Ramzah Dambul dan Pengurus Upcycled Shack, Tressie Yap.

Profesor Madya Ts. Dr. Ramzah turut menyaksikan penyerahan replika cek bernilai RM 900 yang diserahkan kepada Kumpulan Pelajar EcoCampus UMS oleh SPS.